

Headline	Dua pegawai kanan RTM ditahan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	1,14	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	376 cm ²
Journalist	HASNIZA HUSSAIN	AdValue	RM 7,971
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,914



Pegawai kanan RTM ditahan disyaki terlibat penyelewengan promosi zakat

14

Dua pegawai kanan RTM ditahan

Seorang lagi individu turut ditahan SPRM disyaki salah guna wang institusi zakat

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Tiga individu termasuk dua pegawai kanan Radio Televisyen Malaysia (RTM) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyalah guna wang sebuah institusi zakat untuk

program berbayar di stesen penyiaran tersebut.

Tangkapan ke atas tiga individu itu termasuk suami kepada salah seorang pegawai kanan stesen penyiaran berkenaan dilakukan pada 7 Oktober lalu sebelum mereka direman selama empat hari bagi membantu siasatan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya berkata, reman ke atas tiga suspek berkenaan tamat pada Khamis lalu namun reman lanjutan selama lima hari diteruskan kepada dua pegawai kanan RTM terbabit.

"Setakat ini, SPRM sudah mengambil keterangan 11 saksi termasuk tiga suspek berusia antara 36 hingga 40 tahun itu.



Latheefa (dua dari kanan) singgah di gerai menjual ayam ketika menghadiri Program Sambutan Ulang Tahun FAMA ke-54 dan Kempen Anti Rasuah Sempena Ulang Tahun SPRM ke-52 di Pasar Tani Seksyen 13, Shah Alam semalam.

"Siasatan masih berjalan dan harap dapat diselesaikan dalam tempoh seminggu dua ini. Kita akan mak-

lumkan hasilnya sebelum menghantar kertas siasatan kepada pihak pendakwa," katanya pada sidang akhbar

selepas menghadiri Program Sambutan Ulang Tahun Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

(FAMA) ke-54 dan Kempen Anti Rasuah Sempena Ulang Tahun SPRM ke-52 di Pasar Tani Seksyen 13 di sini semalam.

Mengulas berhubung jumlah keseluruhan wang yang terlibat dalam kes itu, Latheefa berkata, jumlah sebenar masih dalam siasatan tetapi membabitkan wang puluhan ribu.

Terdahulu menurut sumber, pakej program berbayar tersebut untuk Ramadan lalu dengan membabitkan wang berjumlah RM120,000.

Namun difahamkan wang yang diseleweng itu dimasukkan ke dalam akaun peribadi individu yang ada kaitan dengan salah seorang pegawai kanan stesen penyiaran tersebut.